



LEE TIAN HOCK (kiri) bersama Pengarah Eksekutif MCHB, Datuk Lim Kiu Hock menunjukkan lakaran artis projek harta tanah syarikat itu di Melbourne, Australia di Wisma Matrix, Seremban, semalam.

Matrix lancar projek apartmen butik di Melbourne

SEREMBAN 1 Jun - Pemaju harta tanah tempatan, Matrix Concepts Holdings Bhd. (MCHB) berjaya menjual sebanyak 20 daripada 52 unit apartmen butik, M.Carnegie di Melbourne, Australia semasa hari pertama pelancaran projek itu pada 25 Mei lalu.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif MCHB, Datuk Lee Tian Hock berkata, kejayaan itu memberi makna yang besar bagi MCHB dalam pelebaran sayap perniagaannya yang julung kali ke luar negara.

Beliau berkata, pihaknya yakin baki unit dalam projek yang mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) RM100 juta itu mampu dijual dalam tempoh tiga bulan akan datang.

"Ini adalah usaha sama sulung kami di luar negara dan kejayaan projek ini membolehkan kami meluaskan perniagaan pembangunan harta tanah di sini pada masa depan," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, M.Carnegie terletak di kawasan strategik iaitu

kira-kira 15 kilometer (km) dari pusat bandar Melbourne; 3.3 km dari kampus Universiti Monash; 3 km dari pusat beli-belah Chadstone dan hanya 500 meter dari stesen kereta api.

Jelasnya, sebanyak lima jenis apartmen ditawarkan bermula dengan satu bilik tidur hingga tiga bilik tidur pada harga mulai RM1.26 juta hingga RM2.58 juta.

Katanya, pembinaan apartmen itu dijangka bermula September ini dan dijadualkan siap November tahun depan.

Tian Hock memberitahu, mereka yang berminat dengan projek itu diharap mengambil peluang daripada caj setem duti sebanyak 3 peratus yang dikenakan sekarang.

"Ini kerana, mulai 1 Julai ini, setem duti untuk pembeli warga asing akan dinaikkan kepada 7 peratus," ujarnya.

Mengulas mengenai unit yang sudah ditempah, Tian Hock berkata, sebanyak 10 unit dibeli oleh rakyat Malaysia manakala bakinya oleh rakyat Australia, Hong Kong, China dan Singapura.